



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

PUSAT PENJAJA MODEN KUNDASANG : PEMANGKIN EKONOMI RAKYAT LUAR BANDAR SABAH

KUNDASANG, 25 Oktober – YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, hari ini menyempurnakan **Majlis Pecah Tanah Pusat Penjaja Moden Kundasang**, sebuah inisiatif strategik di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui UDA Holdings Berhad dengan usaha sama **Majlis Daerah Ranau**.

Projek bernilai **RM2.275 juta** ini akan dibangunkan di atas **tapak seluas 1.5 ekar** dan menempatkan kemudahan moden seperti antaranya **gerai jualan, tandas awam, medan selera dan juga surau**, bagi memberi keselesaan kepada penjaja serta pengunjung tempatan dan luar daerah. Ia dijangka siap pada **Jun 2026** dan bakal memberi manfaat kepada **90 usahawan tempatan** melalui penyediaan ruang niaga yang kondusif, selamat dan tersusun.

Menurut YB Datuk Ewon, projek ini merupakan kesinambungan kepada konsep **Tamu Desa** yang telah diperkenalkan oleh KUSKOP, dengan penambahbaikan dari segi kemudahan moden, reka bentuk bercirikan identiti tempatan dan elemen kelestarian alam sekitar.

Beliau menjelaskan bahawa **Pusat Penjaja Moden Kundasang ini bukan sekadar pasar**, tetapi pusat pertumbuhan ekonomi baharu yang dijangka merancakkan aktiviti perniagaan dan pelancongan setempat.

YB Datuk Ewon turut merakamkan penghargaan kepada **Majlis Daerah Ranau** atas kerjasama menyediakan tapak strategik serta sokongan teknikal di peringkat daerah, serta **Bank Rakyat** sebagai rakan strategik melalui pelaksanaan **Skim Mikro-i Penjaja dan Peniaga Kecil (MPPK 2.0)** dan **Program Jajahan Bank Rakyat** bagi membantu aspek pembiayaan dan pendigitalan perniagaan.

Tambah beliau, pendekatan bersepadu melalui konsep ***Whole of Government*** antara agensi persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan perlu diteruskan agar manfaat pembangunan benar-benar sampai kepada komuniti luar bandar.

KUSKOP dan agensi-agensinya akan terus memperkukuh ekosistem keusahawanan melalui latihan, bimbingan, geran sokongan serta pembentukan koperasi bagi memperkasakan usahawan mikro dan penjaja di seluruh negara.

Beliau menyatakan harapan agar penambahbaikan persekitaran perniagaan ini dapat membuka laluan kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih inklusif, progresif dan mampan untuk masyarakat Kundasang dan Ranau. Pembinaan Pusat Penjaja Moden Kundasang ini juga selaras dengan penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026) dengan memperkukuh ekosistem pelancongan luar bandar melalui penyediaan kemudahan yang bersih, moden dan mesra pengunjung.

Projek ini merupakan sebahagian daripada komitmen kerajaan di bawah **Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)** untuk memperkukuh pembangunan luar bandar serta memperkasa usahawan mikro serta penjaja dan peniaga kecil selaras dengan aspirasi **Malaysia MADANI**.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
25 OKTOBER 2025